

Seragamkan fatwa seluruh negara melalui 1Malaysia 1Fatwa

KUCHING 27 Mac - Institusi fatwa di negara ini diharap dapat menyelaraskan pengeluaran hukum melalui model 1Malaysia 1Fatwa supaya ia diseragamkan di setiap negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Prof. Emeritus Tan Sri Abdul Shukor Husin berkata, usaha itu penting untuk mengelak sebarang kekeliruan dalam kalangan masyarakat berhubung fatwa yang dibuat.

“Memang tidak dinafikan perbezaan pandangan berlaku dalam apa jua bidang, namun jika perbezaan itu dapat diminimumkan, disatukan atau diselaraskan, saya yakin hasrat ini dapat dicapai.

“Bukan sahaja dapat mencapai atau merealisasikan matlamat 1Malaysia 1Fatwa tetapi juga memperlihatkan kesatuan umat Islam di negara ini sebagai negara Islam contoh di mata dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan alu-aluan pada majlis perasmian Seminar Fatwa Peringkat Negeri Sarawak yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud di sini hari ini.

Seminar berkenaan disertai lebih 1,000 pegawai-pegawai kerajaan dan swasta, pengerusi masjid dan



ABDUL SHUKOR

surau dan Ahli Lembaga Kebajikan Masjid seluruh negeri, mahasiswa serta orang awam.

Pada seminar itu, tiga kertas kerja dibentangkan iaitu Zakat Gaji dan Zakat Profesional oleh Ahmad Husni Abdul Rahman; Anak Tidak Sah Taraf (Penamaan dan Pewarisan) oleh Professor Datin Dr. Pai-

zah Ismail dan Penentuan Alkohol dalam Makanan oleh Prof. Dr. Rusly Abdul Rahman dan Mohamad Aizat Jamaludin.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Shukor berkata, melalui ke-

fahaman yang jelas, sesuatu fatwa dapat diterima dengan baik oleh masyarakat.

Katanya, pematuhan dan penerimaan itu akan menjadi cerminan imej dan kewibawaan kredibiliti institusi agama di negara ini.

“Inilah harapan mutakhir supaya agensi agama dapat memainkan peranan secara menyeluruh dan meninggikan syariat Allah di samping menjaga perpaduan dan keharmonian bukan sahaja di kalangan umat Islam, malah dengan sahabat-sahabat lain yang tidak beragama Islam,” katanya.

Sementara itu, Abdul Shukor berkata, selaras dengan tanggungjawab besar yang diamanahkan, beberapa

transformasi dalam aspek penguurusan fatwa dan institusi telah dilaksanakan.

Selain aktiviti bimbingan dan panduan fatwa kepada masyarakat, pihaknya melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah menubuhkan portal *e-Fatwa* dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan Arab.

“Sehingga 29 Februari lalu, portal *e-Fatwa* di Jakim telah menerima pelawat sebanyak 63,839 dari 81 buah negara.

“Antara pelawat yang tertinggi ialah dari Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK), Australia, Mesir, Jepun dan lain-lain negara Asia Barat,” katanya.